

12/7/2016

Punca harga ayam melambung

# Pemborong tamak

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

utusankelantan@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 11 JULAI

**S**IKAP pemborong yang tamak menyebabkan harga ayam di seluruh negeri ini melambung tinggi sehingga mencecah RM30 seekor sejak Khamis lalu.

Ekoran daripada itu, Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Kooperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) negeri ini telah mengambil tindakan tegas terhadap enam pemborong yang membekal bahan makanan asas itu di pasar-pasar sekitar daerah ini.

Pengarah PPDNKK negeri, Datuk Ab. Ghani Harun berkata, tindakan itu diambil susulan daripada pemeriksaan yang dilakukan di pasar-pasar besar di setiap daerah.

Beliau berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan ke atas pemborong terbabit selepas mendapat maklumat daripada para peniaga hasil pemeriksaan yang dilakukan semalam.

"Hasil semakan kita mendapati pemborong ini mendapatkan bekalan ayam dari Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Mereka memborong dengan harga RM6.50 hingga RM7.50 untuk sekilogram ayam.

"Bagaimanapun, mereka menjual kepada peruncit atau peniaga dengan harga dengan harga RM150 bagi 10 ekor ayam, jadi peniaga terpaksa membeli seekor ayam pada harga RM15. Ini lebih sekali ganda keuntungan daripada kos asal," katanya di sini hari ini.

Hari ini, *Utusan Malaysia* melaporkan harga seekor ayam sekitar 1.5 kilogram di bandar ini melambung naik sehingga mencecah RM30 sejak umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri, Rabu lalu.

Ab. Ghani berkata, peniaga



AB. GHANI HARUN (tiga dari kiri) memberi notis kepada peniaga ayam yang dipercayai menjual ayam melebihi harga yang ditetapkan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan, semalam.

## Seekor ayam berharga RM30 di Pasar Siti Khadijah

KERATAN Mingguan Malaysia 10 Julai 2016.



**Bagaimanapun, mereka menjual kepada peruncit atau peniaga dengan harga dengan harga RM150 bagi 10 ekor ayam, jadi peniaga terpaksa membeli seekor ayam pada harga RM15. Ini lebih sekali ganda keuntungan daripada kos asal."**

**AB. GHANI HARUN**  
Pengarah PPDNKK Kota Bharu

terpaksa menaikan harga bahan makanan mentah itu antara RM20 sehingga RM30 seekor kerana mereka mendapat bekalan dengan harga yang tinggi.

Katanya, hasil pemeriksaan yang dilakukan tiga daripada pemborong tersebut melakukan

kesalahan kerana tidak memiliki lesen sebagai pemborong.

"Manakala tiga lagi melakukan kesalahan kerana tidak menyelenggara sistem bekalan atau tidak menyediakan buku stok bekalan.

"PPDNKK akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sekali gus akan membawa mereka ke mahkamah untuk proses pendakwaan kerana pencatutan," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan peniaga agar menggunakan penimbang dan tidak menjual bahan mentah tersebut mengikut bilangan.

"Jika mereka masih berdegil, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

"PPDNKK akan meneruskan pemantauan harga barang di pasar harian dan pasar raya di negeri ini bagi mengelakkan pengguna terbebani oleh sikap ambil kesempatan pihak tertentu," katanya.